

Najib harus jawab persoalan harta peninggalan ayahnya, kata DAP
The Malaysian Insider
Feb 26, 2015

Datuk Seri Najib Razak tidak boleh terus berdiam diri dan menjelaskan kenyataan Pejabat Perdana Menteri – mengaitkan perbelanjaannya, termasuk pembelian berjuta-juta dolar barang kemas isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dengan harta warisan yang diperoleh daripada ayahnya Tun Abdul Razak Hussein, perdana menteri kedua Malaysia, kata DAP.

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang berkata, reputasi kedua-dua perdana menteri Malaysia berada dalam bahaya, menyebabkan Najib harus menjawab kontroversi yang menular sejak Pejabat Perdana Menteri (PMO) mengeluarkan kenyataan kepada The New York Times.

"Saya boleh menjamin Tun Razak dikenali dengan sifat cermatnya dan integriti yang amat tinggi, kerana tidak pernah saya membangkitkan sebarang isu yang menimbulkan keraguan terhadap integritinya, sepanjang saya berada di Parlimen di antara 1971 hingga 1976 ketika Razak merupakan perdana menteri," kata ahli Parlimen Gelang Patah itu dalam satu kenyataan hari ini.

"Memandangkan reputasi kedua-dua Perdana Menteri – ayah dan anak – berada dalam bahaya, Najib harus menjawab kontroversi yang menular sejak laporan New York Times pada 9 Februari itu secara mudah dan terus terang, dan tidak menunggu sehingga hal tersebut diburu oleh para ahli Parlimen apabila Dewan mula bersidang pada 9 Mac.

"Atau adakah Najib sedang bersedia untuk membuat kenyataan menteri mengenai perkara itu pada hari pertama perbahasan di Parlimen pada 10 Mac nanti?"

Semalam wartawan veteran Datuk A Kadir Jasin menggesa PMO menjelaskan kenyataannya tentang harta peninggalan perdana menteri kedua Malaysia, Razak atau berisiko dituduh mencemarkan legasinya.

Bekas ketua pengarang kumpulan News Straits Times Press (NSTP) itu merujuk kepada kenyataan daripada adik-beradik Najib sebelum ini yang menyatakan kebimbangan mereka terhadap spekulasi "bagaimana dan sejauh mana" harta peninggalan bapa mereka berikutan laporan The New York Times.

"Melainkan PMO segera bertindak dan menafikan ia pernah membuat kenyataan kepada NYT tentang harta peninggalan Najib, ia boleh dituduh mencemarkan memori tokoh tersebut.

"Propaganda PMO boleh melakukan apa sahaja walaupun terdai etika dan moral bagi melindungi perdana menteri dan isterinya.

"Namun untuk mencemarkan dan tidak menghormati memori Tun Abdul Razak tidak

boleh dimaafkan," tulis Kadir di blognya The Scribe.

Dalam kenyataan mereka sebelum ini, 4 orang anak Razak – Datuk Johari, Datuk Nizam, Datuk Nazim dan Datuk Seri Nazir berkata, bapa mereka terkenal dengan sikap berjimat serta integritinya.

Mereka berkata, amat bimbang dengan laporan berita baru-baru ini yang menimbulkan spekulasi tentang harta peninggalan bapa mereka.

Kenyataan mereka berikutan satu artikel The New York Times bertarikh 8 Februari yang mendedahkan kekayaan ahli perniagaan Low Taek Jho serta peranannya sebagai pelabur hartanah dan melibatkan pelbagai pihak termasuklah Riza Aziz, anak tiri kepada Najib.

Low membeli apartmen mewah di Manhattan dan rumah agam di Beverly Hills dan kemudian menjualnya kepada Riza, bagaimanapun, perkara ini dinafikan Low.

Laporan itu juga mengatakan Najib diserang hebat dengan berita tentang isterinya Rosmah yang berbelanja boros dengan barang kemas dan beg tangan berjenama. – 26 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-harus-jawab-persoalan-harta-peninggalan-ayahnya-kata-dap>